

# Negara tidak cadang terbit bon di pasaran global

Oleh Kadir Dikoh

MALAYSIA tidak bercadang menerbitkan bon di pasaran global dalam tempoh terdekat walau pun penarafan kredit negara semakin positif dan pelabur antarabangsa memberi sokongan tinggi terhadap terbitan itu berikutan asas ekonomi negara yang kukuh.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata kerajaan boleh memperoleh sumber dana dari dalam negara tanpa perlu mendapatkannya melalui terbitan bon pada peringkat antarabangsa.

"Sebenarnya, kita tak perlu membuat pinjaman. Walau pun jika kita nak meminjam, kita boleh pinjam

dari dalam negara. Terdapat banyak wang yang mana pengurus dananya mendapati sukar untuk melabur.

"Contohnya, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) akan mempunyai kira-kira RM210 bilion menjelang akhir tahun. Maka ia perlu meletakkannya di tempat lain (melabur) dan jika kita perlu meminjam, adalah lebih mudah untuk kita meminjam dari dalam negara daripada pergi ke luar negara.

"Tetapi, memang ramai orang mendesak kita meminjam wang dari luar negara. Kadang kala kita berbuat demikian semata-mata untuk mendapatkan tanda aras dari segi kredit," katanya selepas merasmikan

Persidangan Cukai Nasional ke-2 di Seri Kembangan, Selangor, semalam.

Sehingga ini, Malaysia mempunyai jumlah pinjaman pasaran sebanyak AS\$5.568 bilion (RM20.8 bilion) membabitkan bon, pinjaman bersindiket dan pembiayaan.

Daripada jumlah itu, terbitan bon kedaulatan mewakili sejumlah AS\$3.88 bilion, manakala bakinya sedikit pinjaman dalam mata wang yen dan hutang bersindiket.

Selain bon Malaysia 09 dan 011 sekuriti Islam yang diterbitkan sebelum ini, negara juga mempunyai bon Euro bernilai 650 juta euro yang diterbitkan pada November 2000.

Ditanya sama ada kera-

jaan merancang menaikkan cukai tembakau dan alkohol pada Belanjawan 2003 yang akan dibentangkan pada 20 September ini, Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan berkata, kerajaan masih mengkaji perkara itu.

"Masalahnya apabila cukai (tembakau) dinaikkan, ia menyebabkan banyak kegiatan menyeludup. Kecuali kita memperbaiki keupayaan untuk menghentikan penyeludupan ini, menaikkan cukai tidak akan meningkatkan pendapatan negara," katanya.

Bagaimana pun katanya, kerajaan masih mempunyai masa untuk memutuskan sama ada untuk menaik atau mengekalkan kadar cukai bagi komoditi terbabit "ke-

rana kita juga boleh buat keputusan pada hari terakhir (sebelum belanjawan)".

Beliau juga berkata, kerajaan belum memutuskan sama ada untuk mengurangkan cukai korporat 28 peratus sekarang ini seperti diminta oleh pihak industri.

Ditanya sama ada Belanjawan 2003 nanti akan mengandungi pengumuman yang mengejutkan, Dr Mahathir berkata: "Saya tidak fikir ada... tetapi kita terpaksa mengubah strategi.

"Sejauh yang berkaitan dengan usaha menggerakkan ekonomi, kita mengkaji pelbagai cadangan bagaimana mempunyai perubahan paradigma dari segi dasar, pencukaian dan peruntukan dana," katanya.